

03/02/2001

TNB lancar projek rumah kakitangan

GEORGETOWN, Jumaat - Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan melancarkan projek perumahan khas dikenali sebagai Taman TNB untuk memastikan semua kakitangannya mampu memiliki rumah.

Pengerusinya, Datuk Dr Jamaludin Mohd Jarjis berkata, rumah berkenaan akan dilengkapi tiga bilik tidur dan dua bilik mandi serta dibina tidak terlalu jauh dari tempat kerja.

Katanya, projek berkenaan akan dilancarkan pada peringkat nasional pertengahan tahun ini dan buat permulaan, 3,000 unit akan dibina. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melancarkannya.

Beliau berkata, pembabitan TNB dalam projek hartanah itu bukan bersifat komersial atau ingin bersaing dengan pemaju lain, sebaliknya untuk kebajikan kakitangan dengan memastikan mereka memiliki rumah, terutama selepas bersara.

"Ketika ini ada kakitangan tidak mampu membeli rumah terutama yang dibina pemaju swasta. Selain itu, walaupun ada yang sudah membeli rumah, ia terletak terlalu jauh dari tempat kerja.

"Saya difahamkan ada kakitangan TNB yang bertugas di Pulau Pinang, tetapi membeli rumah di Sungai Petani (Kedah) dan Taiping (Perak) kerana faktor harga.

"Justeru, melalui projek perumahan khas ini, syarikat akan membina sendiri rumah dan akan dijual pada harga mampu kepada kakitangan," katanya sambil menambah pembelian akan dibiayai menerusi pinjaman yang disediakan syarikat.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas majlis perjumpaan dengan warga kerja TNB Pulau Pinang dan perasmian kuarters TNB Sungai Ara, Bayan Lepas, dekat sini, hari ini. Turut hadir Presiden dan Ketua Eksekutif TNB, Datuk Fuad Jaafar.

Bagi menjayakan projek berkenaan, Jamaludin berkata, pihaknya akan memohon kerjasama kerajaan negeri atau agensinya untuk membeli tanah milik mereka di kawasan tertentu.

Ditanya jenis rumah yang akan dibina, katanya, setakat ini TNB belum mengambil keputusan muktamad perkara itu, sama ada pangsapuri atau jenis lain.

Beliau berkata, syarikat juga belum memuktamadkan perkara berkaitan peruntukan kewangan untuk projek berkenaan, namun yang pasti ia menggunakan sumber dana dalaman.

Sementara itu, katanya TNB masih menunggu permohonan Petronas untuk menaikkan harga gas cecair asli (LNG), sebelum membuat sebarang keputusan mengkaji semula kadar sedia ada tarif elektrik.

Jamaludin berkata, kenaikan gas pasti memberi kesan terhadap kos penjanaan tenaga elektrik kerana operasi itu menggunakan kira-kira 60 peratus LNG.

Bagaimanapun, katanya, beliau yakin kerajaan akan membuat pertimbangan adil dan sewajarnya (permohonan Petronas) bagi kebaikan kedua-dua pihak (Petronas, TNB dan pemegang saham) serta pengguna.

Ketika ini, TNB dan beberapa pengeluar tenaga persendirian membeli gas daripada Petronas pada harga tetap RM6.40 bagi setiap juta BTU (unit thermal British), berbanding harga pasaran RM18.

(END)